

Paras air Tasik Bukit Merah semakin kritikal

Bagan Serai: Air di Tasik Bukit Merah, dekat sini kini di paras kritikal iaitu hanya 6.4 meter dan dijangka terus merosot.

Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kerian, Hasmi Mat, berkata penurunan mendadak paras air berbanding 8.7 meter sebulan lalu, berpunca kurangnya hujan di kawasan tadahan di bahagian hulu seperti Selama, Ijuk, Batu Kurau dan Pondok Tanjung.

Katanya, masalah itu menyebabkan bekalan air ke kawasan sawah seluas 21,000 hektar di daerah Kerian terjejas.

“Jika air dalam tasik seluas 2,800 hektar itu merosot kepada 5.5 meter, maka bekalan air ke sawah terpaksa dihentikan.

“Bekalan hanya ditumpukan kepada air untuk Loji Pemberihan Air di Batu Lima, Parit Buntar dan di Gunung Semanggol bagi keperluan penduduk dan industri di daerah itu serta sebahagian Kamunting dan Taiping,” katanya di sini, semalam.

Pendekatan berjimat

Hasmi berkata, pihaknya dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian meng-

gunakan pendekatan berjimat dalam menyalurkan air ke sawah.

Katanya, JPS juga membuat ca-tuan bekalan air ke sawah, termasuk kawasan sawah di Alor Pongsu dan Bagan Serai.

Sementara itu, Pengarah IADA Kerian, Zahimi Hassan berkata, sawah yang baru ditanam memerlukan bekalan air secukupnya.

Katanya, seramai 2,800 petani dinasihatkan supaya berjimat dan mengawal penggunaan air dalam sawah dengan sentiasa memastikan batas sawah dalam keadaan baik dan kukuh supaya air tidak terbuang.



Air di Tasik Bukit Merah **berada pada paras kritikal iaitu hanya 6.4 meter** dan dijangka terus merosot.
[FOTO YAHYA AWANG/BH]